

# Gabenor baru Bank Negara belum **dipilih**

Oleh Saidon Idris

**BH** 21 APR 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Kerajaan belum memutuskan Gabenor baru Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menggantikan Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman yang akan tamat kontraknya penghujung bulan ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagaimanapun berkata, kerajaan sudah mempunyai senarai nama beberapa calon.

“Tetapi saya tidak akan mengumumkannya,” katanya sambil menambah ia perlu diteliti dulu.

Beliau berkata, perbinangan mengenai pelantikan itu akan diadakan dengan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas calon bagi menggantikan Ali Abul Hassan sebagai Gabenor BNM.

Mengenai kemungkinan bekas Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed dilantik ke jawatan itu, Perdana Menteri berkata: “Datuk Mustapa tidak

berjumpa dengan saya. Saya juga tidak tahu sama ada dia berjumpa Daim.”

Bernama semalam melaporkan Mustapa berkemungkinan dilantik sebagai gabenor baru bank pusat.

Selain Mustapa, nama lain yang turut disebut sebagai calon menggantikan Ali Abul Hassan ialah Penasihat BNM, Datuk Nor Mohamed Yakcop; Timbalan Gabenor BNM, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan Pengarah Urusan Malayan Banking Bhd, Datuk Amirsham Aziz.

Mengenai sama ada berlaku perubahan dalam dasar kewangan BNM berikutan pelantikan gabenor baru, Perdana Menteri berkata, dasar BNM adalah selaras dasar kerajaan.

“Tidak, kecuali berlaku pertukaran dalam kerajaan. Antara 1969 sehingga 1999, kita terus mempunyai kerajaan yang sama serta dasar yang sama dan kita tidak menghadapi masalah menegenainya” kata beliau.

Mengulas desas desus pa-

saran mengenai kemungkinan kuasa kawal selia industri insurans akan dikeluarkan daripada bidang kuasa BNM, Dr Mahathir berkata, perkara itu perlu diajukan kepada Menteri Kewangan.

Bagaimanapun, katanya, langkah itu jika dilakukan adalah pengubahsuaian kecil bagi melicinkan pentadbiran.

Kini, Gabenor BNM adalah juga Ketua Pengarah Insurans.

Mengenai kemungkinan Naluri Bhd menjual kepentingannya dalam Penerbangan Malaysia (MAS) kepada pelabur asing, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memastikan penguasaan tempatan dalam syarikat penerbangan itu bagi mengekalkan identiti kebangsaan.

“Selagi kita masih menguasainya, mungkin kita boleh menjual sedikit saham,” katanya.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun Naluri sudah menantikan akan menjual kepentingannya dalam MAS.